

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8399

SOALAN:

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apa sebab kerajaan membenarkan Himpunan Rakyat Bersatu diadakan pada 16 September 2015 sedangkan perhimpunan tersebut berunsur perkauman. Apakah tindakan kerajaan yang telah diambil untuk memastikan ketenteraman dan keamanan negara tidak terjejas pada masa hadapan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam perkara 10(1)(b), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata. Namun hak ini tertakluk kepada apa-apa sekatan yang pihak Parlimen dapati perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam, melalui undang-undang yang dibuat oleh Parlimen. Dengan wujudnya Akta Perhimpunan Aman 2012, terdapat beberapa syarat atau sekatan dikenakan bagi mengelakkan berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini dan paling penting adalah menjaga keamanan dan ketenteraman awam.

Pihak Kerajaan tidak pernah menghalang sebarang perhimpunan yang diadakan oleh mana-mana pihak selagi perhimpunan tersebut memenuhi kehendak yang termaktub dalam Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA) dan perhimpunan tersebut tidak menjejaskan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam.

Pihak PDRM tidak menghalang perhimpunan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015 diadakan memandangkan perhimpunan berkenaan telah memenuhi kehendak Akta Perhimpunan Aman 2012.